

Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan *Siyāsah Shar‘iyyah*

Baitulmal Initiatives in Dealing with Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari‘iyyah

Sofiyyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad ✉, Anwar Fakhri Omar

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Siyāsah shar‘iyyah merupakan satu sistem pentadbiran politik Islam yang mempunyai kuasa mentadbir dan menjadi penyelesaian konflik antara agama berdasarkan pemahaman al-Quran dan hadith serta pandangan mujtahid berkaitan kenegaraan. Dalam sesebuah negara, non-muslim yang tinggal dalam negara Islam adalah tertakluk kepada hukum ahl al-dhimmah yang perlu dijaga hak-hak mereka selagi tidak menyentuh bidang akidah dan ibadat. Perbincangan dalam artikel ini berkaitan pengurusan baitulmal setelah harta pusaka berkenaan telah menjadi harta miliknya dan ia terkeluar daripada hukum faraid kerana baitulmal telah menerima harta pusaka mualaf. Sehubungan dengan itu, objektif artikel adalah membincangkan pendekatan siyāsah shar‘iyyah yang diaplikasi oleh pengurusan baitulmal dalam menyantuni tuntutan ahli keluarga non-muslim terhadap harta pusaka mualaf yang telah meninggal dunia. Kajian kualitatif ini mengumpul data dan maklumat melalui kaedah analisis kandungan dan temu bual terhadap informan-informan yang terdiri daripada pegawai-pegawai baitulmal negeri yang terlibat secara langsung dalam tuntutan harta pusaka mualaf. Seterusnya, penganalisan data-data ini adalah menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa wujud pendekatan siyāsah shar‘iyyah dilaksanakan oleh pengurusan baitulmal dalam menyantuni tuntutan ahli keluarga non-muslim terhadap harta pusaka mualaf di Malaysia bagi menjamin kelangsungan dakwah pada masa akan datang. Namun baitulmal berhak menolak permohonan atau rayuan daripada ahli keluarga non-muslim sekiranya terdapat elemen-elemen seperti pernah terjadi penghinaan kepada agama Islam dan tidak mempunyai hubungan baik dengan si mati mualaf setelah memeluk Islam.

KATA KUNCI

Harta pusaka, *Siyāsah shar‘iyyah*, baitulmal, mualaf, syiar Islam.

ABSTRACT

Siyāsah shar‘iyyah is an Islamic political administration system that has the power to govern and resolve conflicts between religions based on the understanding of the al-Quran and hadith as well as the views of mujtahids related to statehood. In a country, non-muslims living in an Islamic countries are subject to the laws of ahl al-dhimmah who need to protect their rights as long as they do not touch the area of faith and worship. The discussion in this article is related to the management of the baitulmal after the inheritance has become its rightful property and it is out of faraid law because the baitulmal has received the inheritance of converts. In relation to that, the objective of the article is to discuss the siyāsah shar‘iyyah approach applied by the management of the baitulmal in accommodating the claims of non-muslim family members on the estate of converts who have died. This qualitative study collects data and information through content analysis methods and interviews with informants who are state baitulmal officials who are directly involved in the claim of the convert’s inheritance. The analysis of these data is using a descriptive and comparative approach. The result of the study found that there is the concept of siyāsah shar‘iyyah approach implemented by the baitulmal management in accommodating the demands of non-muslim family members of the inheritance of converts in Malaysia carried out through shura to ensure the continuity of da‘wah in the future. However, Baitulmal has the right to reject applications or appeals from non-Muslim family members if there are elements such as insults to Islam and not having a good relationship with the deceased who converted to Islam.

KEYWORDS

Inheritance claims, *Siyāsah shar‘iyyah*, baitulmal, converts & Islamic teachings

Article History

Received: August 19, 2022

Revised: November 14, 2022

Accepted: November 16, 2022

Published: December 15, 2022

✉ Contact

Md Yazid Ahmad
(Corresponding Author)
yazid@ukm.edu.my

Citation

Sofiyyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar. 2022.

Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan *Siyāsah Shar‘iyyah*. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 7(2): 66-72 .

Copyright

© 2022 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Siyāsah shar‘iyyah merupakan satu sistem yang dibentuk berdasarkan wahyu Allah SWT dan panduan daripada Rasulullah SAW yang merangkumi asas-asas, hukum-hukum, pentadbiran, pelaksanaan dan sebagainya. Ia menghubungkan manusia dengan Allah SWT melalui kuasa politik yang diserahkan kepada wakil-Nya iaitu manusia sebagai amanah dan tanggungjawab melaksanakan segala perintah Allah SWT (Mohd Nur Hidayat 2012). Malah *siyāsah shar‘iyyah* mengambil berat terhadap kemurnian akhlak bagi menjaga hak-hak asasi umat manusia keseluruhannya sama ada Islam dan juga bukan Islam (Mohd Nur Hidayat 2012). Setiap yang bernaung di bawah panji negara Islam, akan dijaga dan dilindungi daripada sebarang perkara yang boleh menyakitkan dan mengancam diri mereka (al-Māwardī 1960).

Dalam konteks sistem pewarisan Islam, *non-muslim* tiada hak sebagai penerima harta pusaka orang Islam kerana perbezaan agama menjadi salah satu halangan menjadi waris yang sah (al-Ṣābunī 1987). Hal ini jelas dalam hadis daripada Usāmah ibn Zayd RA, berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لا يرث المسلم الكافر، ولا الكافر المسلم

Maksudnya: Orang Islam tidak mewarisi daripada harta pusaka orang bukan Islam, dan orang bukan Islam juga tidak mewarisi daripada harta pusaka orang Islam. (al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kitāb al-Farā‘id, bāb Lā yarīth al-muslim al-kāfir wa lā al-kāfir al-muslim wa idhā aslam qabla an yuqsam al-mīrāth fa lā mīrāth lah)

Daripada ‘Abdullāh ibn ‘Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

لا يتوارث أهل ملتين شتى

Maksudnya: Orang yang berbeza agama tidak akan mewarisi. (Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, kitāb al-Farā‘id, bāb hal yarīth al-muslim al-kāfir)

Berdasarkan dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa tiada pewarisan muslim kepada *non-muslim* dan begitu juga sebaliknya kerana terputusnya penguasaan (*wilāyah*) harta pewarisan antara muslim dan *non-muslim* (al-Zuhaylī 1997). Oleh itu, para ulama bersepakat bahawa baitulmal menjadi waris asabah kepada harta pusaka orang Islam yang tidak mempunyai waris beragama Islam.

Dalam konteks baitulmal, pengurusan adalah bertunjangkan prinsip amanah, manakala ketua negara pula bertindak sebagai pemegang amanah. Situasi ini boleh dilihat pada zaman pemerintahan al-Khulafā’ al-Rāshidīn, pemerintahan khilāfah Umayyah, ‘Abbāsiyyah dan ‘Uthmāniyyah hingga sekarang (Nik Mustafa 2003). Oleh itu pengurusan baitulmal ke atas harta adalah atas dasar tanggungjawab dan bukan hak milik mutlak iaitu pemerintah bertanggungjawab mengurus dan memanfaatkan harta berkenaan untuk

ummah dan agama kerana ketua negara adalah pemegang amanah terhadap institusi baitulmal.

Sudut interaksi dengan *non-muslim*, Islam mengiktiraf naluri semula jadi manusia yang dilengkapi dengan perasaan ingin bermasyarakat dan berhubung antara satu sama lain. Menerusi perkembangan tamadun manusia, kita telah menyaksikan keperluan interaksi antara manusia yang membolehkan mereka saling bantu membantu dan saling melengkapi keperluan antara satu sama lain (Abdul Hakim & Hanafi t.th.). Walaupun berbeza pegangan agama, Islam tidak menghalang interaksi tersebut daripada terus berlaku, bahkan banyak ruang interaksi yang dianjurkan dalam Islam. Perkara ini disebut sebagaimana dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya (al-Quran, al-Hujurat 49: 13):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا. إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ. إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Difahami daripada ayat ini, bahawa Allah SWT mencipta manusia daripada bangsa, kaum, warna kulit dan bahasa yang berbeza. Perbezaan ini perlu dimanfaatkan oleh manusia untuk saling mengenali antara mereka, bukan untuk bermusuhan antara satu sama lain.

Dalam perhubungan sesama keluarga, Islam melarang memutuskan silaturahim terutama ahli keluarga terdekat. Ini tercatat dalam al-Quran bagi memelihara hubungan kekeluargaan (al-Quran, al-Anfāl 8: 75):

وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدِ وَهَجَرُوا وَجَاهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنْكُمْ. وَأُولَٰئِكَ الْأَرْحَامُ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Adapun *non-muslim* dalam penulisan ini adalah ahli keluarga mualaf yang terdiri daripada ibu, bapa, isteri, anak-anak dan adik-beradik yang masih kekal dalam agama atau pegangan asal mereka sama ada penganut Buddha, Hindu, Kristian ataupun daripada kelompok yang tidak beragama (ateis), malah hubungan kekeluargaan mereka dengan ahli keluarganya yang *non-muslim* tidak terputus selagi

mereka masih hidup. Walaupun berlainan agama, dari segi pergaulan, tanggungan nafkah dan berbuat baik sesama mereka masih dibenarkan dalam Islam (Abdul Ghafar et al. 2017). Namun terdapat implikasi terhadap ahli keluarga *non-muslim* ini setelah berlaku kematian mualaf antaranya gugur hak pewarisan terhadap harta mualaf tersebut, masalah hak hadanah dan masalah hak nafkah (Naziree 2019). Bahkan hukum harta pusaka mualaf adalah sama seperti seorang muslim yang bukan mualaf, namun terdapat dalam kalangan ahli keluarga *non-muslim* berpendapat mereka lebih berhak ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati mualaf berbanding baitulmal dan mempersoalkan hak baitulmal terhadap harta pusaka mualaf tersebut (Md Yazid et. al 2020). Oleh itu, urusan berkaitan harta ini sangat penting kepada keluarga yang mempunyai masalah kewangan dan keperluan khusus yang lain.

Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti konsep *siyāsah shar‘iyyah* dalam menyelesaikan tuntutan harta pusaka mualaf di baitulmal dan menganalisis penyelesaian pengurusan baitulmal dalam menyantuni tuntutan ahli keluarga *non-muslim* ke atas harta pusaka mualaf di baitulmal.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif yang berasaskan kepada reka bentuk kajian analisis kandungan ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temu bual dalam mengumpulkan data berhubung pendekatan *siyāsah shar‘iyyah* yang diaplikasikan dalam penyelesaian tuntutan harta pusaka mualaf di baitulmal oleh *non-muslim* dan kaedah penganalisan data pula adalah secara deskriptif dan komparatif. Metode komparatif digunakan untuk memaparkan perbandingan berhubung pendekatan penyelesaian yang dilakukan oleh baitulmal dari tiga buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan.

PENDEKATAN *SIYĀSAH SHAR‘IYYAH* DALAM ISLAM

Siyasah berasal daripada perkataan *sāsa-yasūsu-siyāsatan* yang bererti memimpin, mengurus dan mengembala, misalnya سياسة الأمر ساس bermaksud ia mengatur suatu urusan untuk kebajikannya (‘Abd al-Rahmān Tāj 1994). Kalimah *siyāsah* pula ialah القيام الشيء بما يصلحه yang membawa maksud menguruskan sesuatu berdasarkan masalah dan mentadbir sesuatu perkara dengan baik atau pemerintah mentadbir urusan rakyat. Para fuqaha mentakrifkannya sebagai tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana suatu kemaslahatan atau kebaikan meskipun tidak mempunyai dalil yang *qat‘ī* (Khallāf 1988), namun mempunyai sandaran dari aspek perbuatan nabi dan para sahabat ketika pemerintahan awal Islam. *Shar‘iyyah* pula yang berasal daripada *sharī‘ah*, dalam penggunaan biasa ialah jalan yang lurus, tempat keluar sesuatu dan jalan

ke tempat minum air. Perkataan yang mempunyai hubungan dengan *shar‘iyyah* banyak digunakan dalam al-Quran antaranya membawa maksud peraturan hidup yang mengandungi suruhan dan larangan atau bermaksud seluruh ajaran agama yang merangkumi aspek keimanan, perundangan dan akhlak. *Siyāsah shar‘iyyah* pula membawa maksud mengurus hal ehwal umum kerajaan Islam yang dijamin bagi mencapai masalah dan mengelakkan mafsadah (keburukan) dengan tidak melampaui batas-batas syariah serta kaedah-kaedah umumnya (Khallāf 1988). Oleh itu *siyāsah shar‘iyyah* ialah urusan pentadbiran sesebuah negara melalui tindakan pemimpin bagi menjaga masalah rakyat dan mengelakkan kemudaratan kepada negara serta menjamin kesejahteraan masyarakat.

Hujah penerimaan *siyāsah shar‘iyyah* yang dinyatakan oleh ‘Aṭwah (1993) berdasarkan amalan al-khulafā’ al-rāshidīn, para sahabat dan imam mujtahid, antaranya ialah:

1. Syariat samawi terdahulu meraikan keperluan dan masalah umat manusia pada zaman tersebut kemudian mengalami perubahan mengikut perubahan zaman seperti kaum Bani Israel diharamkan bekerja pada hari Sabtu dan diharamkan juga makan beberapa jenis daging binatang, namun syariat selepas itu adalah halal.
2. Syariah Islam meraikan perbezaan tempat dalam pensyariatannya seperti syarat saksi dalam jenayah zina tidak sama dengan syarat dalam persaksian ke atas jenayah pembunuhan sedangkan keduanya adalah jenayah.
3. Syariat Islam juga meraikan perubahan keadaan dengan mensyariatkan rukhsah dengan keharusan meninggalkan rukun dan syarat solat ketika berada dalam keadaan musafir dan sakit seperti jamak solat.
4. Keadaan manusia pada hari ini telah berubah kerana keruntuhan akhlak dan tersebarinya penyakit ini dalam masyarakat yang memerlukan kepada rawatan yang khusus selagi tidak bertentangan dengan asas pensyariaan.
5. Hukum-hukum *siyāsah shar‘iyyah* diistinbatkan oleh mujtahid dengan perantaraan kaedah umum dalam syariah seperti *al-taysīr wa al-suhūlah*, *raf‘ al-ḥaraj*, *nafy al-ḍarar*, *al-‘adl wa al-musāwāh bayn al-nās*, *al-shūrā* dan merujuk kepada orang yang ahli dan pakar dalam perkara yang ditanya, *sadd al-dharā‘i’*, *al-‘urf* dan sebagainya bagi mencapai maqasid syariah dalam lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
6. *Siyāsah shar‘iyyah* menjadi hujah yang paling kuat kerana telah dilaksanakan oleh al-khulafā’ al-rāshidīn dalam pemerintahan mereka dan disepakati oleh para sahabat yang lain.

Selain itu, *siyāsah shar‘iyyah* dalam hubungan dengan bukan Islam tertakluk kepada asas-asas tertentu iaitu menafikan penguasaan orang kafir ke atas umat Islam sama ada dalam urusan dunia

mahupun akhirat, dakwah kepada Islam dengan memberi penjelasan dan mempamerkan kata-kata dan tingkah laku teladan, melunakkan hati orang bukan Islam kepada Islam, ihsan atau melakukan kebaikan, keadilan dan kesaksamaan serta berpegang kepada janji (Nazneen et al. 2018).

al-Zarqā (1988) merumuskan terdapat empat faktor yang sangat berpengaruh dalam menetapkan hukum baru yang sesuai dengan kehendak syarak iaitu:

1. Menarik kemaslahatan (*jalb al-maṣāliḥ*) iaitu perkara-perkara yang diperlukan masyarakat untuk membangun kehidupan manusia di atas asas yang kukuh. Contohnya memungut cukai secara adil dengan kadar yang sesuai dengan keperluan untuk perkhidmatan umum dan peraturan-peraturan penting yang bermanfaat.
2. Menolak kerosakan (*dār' al-mafāsīd*) iaitu perkara-perkara yang memudaratkan manusia baik individu mahupun masyarakat sama ada kemudaratannya menyentuh soal fizikal (*māddiyyah*) ataupun spiritual (*adabiyyah*). Parameter *al-fasād* itu diukur melalui kaedah-kaedah syarak dan maqasidnya yang diambil daripada nas-nas yang mampu membina sistem Islam.
3. Tindakan pencegahan (*sadd al-dharī'ah*) iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada mensia-siakan perintah syariah dan memanipulasikannya (*iḥtiyāl*) atau membawa kepada berlakunya larangan syarak sekalipun itu tidak dimaksudkan.
4. Perubahan zaman (*taghyīr al-zamān*) iaitu keadaan manusia, akhlak dan tuntutan-tuntutan umum yang berbeza dari masa sebelumnya.

Keempat-empat faktor tersebut merupakan keperluan untuk memperbaharui hukum-hukum sosial untuk kebaikan masyarakat. Bahkan semua dalil penerimaan ini menunjukkan bahawa *siyāsah shar'iyah* diterima dengan baik sebagai persediaan bagi menghadapi isu baharu agar hukum yang diputuskan tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis.

PENDEKATAN *SIYĀSAH SHAR'IYYAH* DALAM PENGURUSAN BAITULMAL

Dalam pentadbiran Islam, seseorang pemimpin sesebuah negara atau institusi adalah perlu mematuhi syarat umum dalam *siyāsah shar'iyah* berikut (Mohd Hapiz (2017):

1. Meletakkan al-Quran dan hadis sebagai autoriti dalam negara.
2. Pelaksanaan *siyāsah shar'iyah* tidak dibincangkan secara langsung dalam kedua-dua sumber penting tetapi memadai dengan al-Quran yang menggariskan prinsip umum yang sesuai kerana pintu ijtihad masih terbuka dalam pengurusan umat manusia.
3. Keputusan *siyāsah shar'iyah* perlu selari dengan maqasid al-Quran dan hadis.

4. Hukum-hukum *qaṭ'ī* tidak boleh diabaikan, manakala nas-nas bukan *qaṭ'ī* dan *zannī al-dalālah* walaupun terdapat unsur pertentangan antara *siyāsah shar'iyah* dan nas syarak tertentu, ia bukanlah asas yang berkekalan, bahkan perlu diteliti semula melalui ijtihad.

Selain itu, menurut Saadan Man (t.th.) bahawa penentuan hukum yang berpandukan al-Quran dan hadis merangkumi dua komponen utama iaitu *al-thawābit* (yang tetap dan kekal) dan *al-mutaḡhayyirāt* (yang boleh berubah). *al-Thawābit* merupakan rukun, asas dan prinsip agama yang tidak akan berubah hingga ke hari kiamat, manakala *al-mutaḡhayyirāt* pula terdiri daripada perkara furuk atau cabang yang boleh berubah mengikut situasi dan zaman. Hukum yang berubah adalah tertakluk kepada realiti semasa atau *wāqī'* yang merujuk kepada budaya, adat atau 'uruf dan keperluan masyarakat pada suatu tempat. Hal ini bertujuan menjaga kemaslahatan manusia sesuai dengan tujuan syarak atau maqasid syariah yang terdiri daripada hukum yang bersifat *ijtihādī* dalam bidang fiqh yang melibatkan persoalan semasa dan kehidupan manusia.

Proses syura adalah satu cara membuat keputusan oleh pengurusan baitulmal dalam perkara yang melibatkan urusan yang tidak mempunyai panduan khusus terutama dalam hal menyantuni tuntutan harta pusaka muaf oleh ahli keluarga *non-muslim*. Hal ini turut diakui oleh Nik Mustapha (2003) yang menyatakan fungsi yang ditugaskan kepada baitulmal pada suatu ketika dan tempat oleh rakyat adalah melalui proses syura dalam kategori *open minded*. Bahkan Badrān (t.th.) menjelaskan bahawa bagi menjaga umat manusia daripada melakukan kesilapan yang membawa kepada keburukan dan kerosakan, membawa kepada pensyarian syura yang menjadi suatu yang sangat besar kesannya kepada keputusan. Hal ini turut disebut dalam firman Allah (al-Quran, al-Shūrā 42: 38):

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Maksudnya: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.

SIYĀSAH SHAR'IYYAH DALAM KONTEKS TUNTUTAN HARTA PUSAKA MUALAF

Harta pusaka muaf yang tidak mempunyai waris yang beragama Islam akan diserahkan kepada baitulmal. Namun berlaku pertikaian dalam kalangan ahli keluarga *non-muslim* yang mempunyai keperluan tertentu membuat tuntutan harta pusaka berkenaan melalui Amanah Raya Berhad (ARB) atau membuat permohonan sendiri kepada baitulmal.

Dalam menyantuni tuntutan harta pusaka muaf oleh ahli keluarganya yang *non-muslim*, sesebuah

institusi Islam tidak akan menolak permohonan berkenaan tanpa alasan yang kukuh. Malah baitulmal sendiri mempunyai matlamat yang jelas dalam menyebarkan syiar Islam sebagai salah satu instrumen dakwah kepada *non-muslim* secara tidak langsung.

Hal ini memperlihatkan kuasa budi bicara baitulmal di Malaysia cukup baik walaupun berhadapan dengan cabaran memberi kefahaman kepada ahli keluarga *non-muslim*. Malah baitulmal juga berhadapan dengan cabaran undang-undang kerana baitulmal adalah penerima asabah bagi harta pusaka muafak yang tidak mempunyai waris yang sah walaupun mempunyai ahli keluarga *non-muslim*. Oleh itu baitulmal terpaksa melalui prosedur-prosedur ini sehingga harta berkenaan menjadi milik baitulmal terlebih dahulu sebelum tuntutan harta pusaka di baitulmal diproses. Perkara ini akan bertambah rumit apabila tiada kerjasama yang diberikan oleh ahli keluarga *non-muslim*.

PRAKARSA PENYELESAIAN BAITULMAL DALAM MENYANTUNI TUNTUTAN HARTA PUSAKA MUAFALF DI MALAYSIA

Pengurusan baitulmal mempunyai cara penyelesaian yang tersendiri, tertakluk kepada bidang kuasa negeri masing-masing. Cara pengurusan yang dilakukan oleh baitulmal adalah tidak seragam dan bergantung kepada budi bicara. Antara pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan tuntutan tersebut ialah dengan memberikan sumbangan yang perlu melalui prosedur tertentu yang berdasarkan siasatan dan keputusan mesyuarat setelah mendapat nasihat dari pihak mufti supaya tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis dan juga melalui kaedah tebus pusaka. Sehubungan dengan itu, penulis mendatangkan kaedah penyelesaian bagi tiga buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan.

Dalam konteks permohonan tuntutan oleh ahli keluarga *non-muslim* ke atas harta pusaka muafak, Baitulmal Selangor mencatatkan statistik yang paling banyak menerima permohonan tuntutan bermula tahun 2009-2021 yang melibatkan dua kes tuntutan harta tak alih dan 34 kes yang melibatkan harta alih sebagaimana yang diperlihatkan dalam Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0 Statistik Permohonan Tuntutan Ahli Keluarga *Non-muslim* ke atas Harta Pusaka Muafak di Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor

Bil	Tahun	Harta Tak Alih	Harta Alih
1	2009	0	4
2	2010	1	2
3	2011	0	0
4	2012	0	2
5	2013	0	1
6	2014	0	1
7	2015	0	2
8	2016	0	3
9	2017	0	3
10	2018	0	2

11	2019	1	8
12	2020	0	4
13	2021	0	2
Jumlah		2	34
Keseluruhan			

Sumber: Indera (2021)

Di Selangor, menurut Indera (2021), kebiasaannya pihak sektor Baitulmal akan mendapatkan Perintah Faraid daripada Mahkamah Tinggi Syariah apabila dimaklumkan bahawa terdapat harta terhak kepada baitulmal dari si mati muafak yang tidak mempunyai waris yang sah beragama Islam. Setelah Perintah Faraid yang diperoleh, pihak baitulmal akan membuat semakan semula kedudukan nasab si mati iaitu adakah si mati betul-betul tidak mempunyai waris termasuk ahli keluarga *non-muslim*. Kemudian, pihak baitulmal akan menyemak harta pusaka si mati yang telah ditinggalkan. Ini melibatkan pegawai di Seksyen Siasatan dan Etika bersama ahli waris *non-muslim*. Di sini akan berlaku tuntutan harta pusaka muafak oleh ahli keluarga *non-muslim* dan pihak baitulmal tidak menghalang tuntutan mereka. Apabila tuntutan dibuat oleh *non-muslim*, pihak baitulmal akan menyiasat lebih mendalam berkaitan harta yang ditinggalkan melalui permohonan Perintah Faraid di Mahkamah Tinggi Syariah, semakan di mana-mana institusi kewangan, Amanah Raya Berhad dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Di Negeri Sembilan, Siti Syazwani (2022) menyatakan bahawa Jabatan Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menerima dua tuntutan ahli keluarga *non-muslim* ke atas harta pusaka muafak. Pihak MAINS menerima harta pusaka muafak melalui sistem pewarisan Islam terlebih dahulu dengan membuat permohonan Perintah Faraid di Mahkamah Syariah bagi mengesahkan bahawa baitulmal penerima 1/1 bahagian harta pusaka berkenaan. Kemudian membuat tuntutan di mana-mana agensi yang terlibat dengan harta pusaka si mati. Harta alih atau harta tak alih perlu ditukar nama kepada baitulmal. Apabila berlaku tuntutan ahli keluarga *non-muslim*, pihak MAINS akan menyerahkan keputusan kepada Setiausaha MAINS. Jika Setiausaha MAINS tidak dapat menyelesaikan isu tuntutan berkenaan, beliau akan memohon pandangan mufti. Setelah pandangan mufti diterima untuk dibuat pertimbangan, baharu proses siasatan dan laporannya dibawa ke mesyuarat bagi mendapat keputusan bagi pemberian sumbangan berkenaan tidak melebihi 20%.

Kes pertama diterima melalui Amanah Raya Berhad (ARB) iaitu si mati merupakan pemuda India yang memeluk Islam dan meninggal dunia tanpa waris muslim. Si mati muafak berbangsa India ini telah meninggalkan harta alih dari simpanan KWSP dan duit simpanan di RHB Bank Berhad. Kemudian bapa si mati muafak menuntut harta pusaka atas alasan telah menanggung perbelanjaan pendidikan anaknya sehingga berjaya dan memerlukan perbelanjaan harian yang lain. Malah semasa hayat muafak ini, beliau merupakan anak yang bertanggungjawab dan menanggung nafkah kepada kedua ibu bapanya.

Tempoh permohonan ini telah mengambil masa selama tiga bulan kerana ARB yang menguruskan wang peninggalan si mati mualaf ini. Pihak MAINS telah melaksanakan prosedur memohon Perintah Faraid dari Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dan mengesahkan bahawa MAINS adalah pemilik tunggal si mati mualaf ini. Pihak baitulmal juga telah membuat siasatan dan membawa tuntutan berkenaan kepada pihak wakaf dan Ketua Unit Mal bagi mendapatkan pandangan berkaitan pertimbangan sewajarnya bagi menyelesaikan tuntutan ahli keluarga *non-muslim* ini. Kemudian satu laporan dibuat dan dibawa kepada Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) untuk kelulusan. Setelah kelulusan diterima, pihak baitulmal memaklumkan kepada penuntut (bapa si mati mualaf) bahawa pihak baitulmal tidak boleh menyerahkan keseluruhan bahagian baitulmal kecuali dengan kaedah tebus pusaka bagi harta tak alih. Bagi harta alih, baitulmal juga tidak akan melepaskan bahagiannya kerana menjaga hak orang Islam. Namun atas dasar sumbangan, pihak baitulmal meluluskan permohonan ini paling maksimum adalah 20% daripada nilai harta yang diterima oleh baitulmal. Dalam kes ini, MAINS menyerahkan sumbangan 5% dari harta pusaka si mati bagi menampung perbelanjaan harian pemohon berdasarkan siasatan dan penilaian serta keputusan pihak wakaf dan Ketua Unit Mal.

Di Kelantan, tuntutan harta pusaka Mohammad (si mati mualaf) yang telah memeluk Islam pada tahun 2011 melalui PERKIM telah dibuat melalui Amanah Raya Berhad dan permohonan anak beliau yang dibuat kepada Majlis Agama Islam Kelantan. Si mati berkenaan hanya meninggalkan harta alih iaitu sebuah kereta, motosikal, wang tunai dan beberapa barangan peribadi (Ridhwan 2022). Pihak Unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah memohon pandangan Mufti, Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad berkaitan rayuan ahli keluarga *non-muslim* ini ke atas harta pusaka mualaf yang terhak kepada baitulmal. Dalam surat (PM.(KN): 01/04: JLD.9/(28). 2015) berkenaan menyatakan:

“Setelah meneliti isi kandungan surat yang berkaitan, dari aspek hukum syarak baitulmal adalah pewaris kepada harta yang ditinggalkan si mati yang tidak mempunyai pewaris yang terhak, seperti isu Mohamad (si mati mualaf), kerana anak-anak kepada si mati yang berlainan agama itu terhalang daripada menjadi pewaris, menurut hukum faraid. Pada pandangan saya setelah Baitulmal MAIK menerima hak pesaka sebagai pewaris kepada harta peninggalan si mati pihak MAIK bolehlah melayani permohonan anak-anak si mati atas dasar ihsan, bagi tujuan dakwah dan memperlihatkan imej MAIK yang baik di kalangan mereka di luar Islam. Isu seperti ini bukanlah dasar MAIK, tetapi perlu dinilai bila ada keperluan berbuat demikian”

Menurut Ridhwan (2022), ahli keluarga *non-muslim* ini memberi kerjasama yang baik dengan baitulmal dan bersedia menerima kunjungan dari Unit

Baitulmal. Hasil perbincangan dengan pihak keluarga *non-muslim* ini, pihak Unit Baitulmal bersetuju menyerahkan kereta yang diwarisi oleh baitulmal dan menyerahkan cek sumbangan iaitu keseluruhan harta alih si mati mualaf ini melalui satu majlis khas termasuk membawa mereka melawat perkuburan si mati mualaf.

Berdasarkan kes tuntutan di Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan, penulis mendapati bahawa pihak Majlis Agama Negeri (MAIN) telah menerima harta pusaka mualaf yang tidak mempunyai waris yang beragama Islam. Pihak MAIN juga menyerahkan hak baitulmal dalam bentuk sumbangan kepada ahli keluarga *non-muslim* dan melalui kaedah tebus pusaka, bukan atas dasar hukum faraid atau sistem pewarisan Islam. Pertimbangan yang dilaksanakan ini adalah melalui pandangan mufti, siasatan, laporan, ziarah dan keputusan akhir mesyuarat.

Prosedur atau tatacara yang dilaksanakan oleh pengurusan baitulmal adalah berdasarkan *siyāsah shar‘iyyah* yang meletakkan pemimpin atau ketua organisasi menjadi penentu hukum dan penyelesaian masalah masyarakat di bawah bidang kuasa yang diberikan termasuklah melaksanakan mesyuarat atau syura untuk mendapat keputusan yang jitu. Keputusan yang dibuat ini adalah bagi menjaga kesucian agama Islam dan menjaga keharmonian masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama di Malaysia yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis.

CADANGAN

Pengkaji mencadangkan kepada pihak baitulmal agar:

1. menawarkan produk wasiat dan hibah kepada mualaf yang baru memeluk Islam dengan melantik baitulmal sebagai wasi kepada mualaf berkenaan supaya apabila berlaku kematian kepadanya, wujudnya hibah dan wasiat. Yurannya perlu dibiayai daripada pengumpulan wang zakat yang sepatutnya diberikan kepada asnaf mualaf terutama mualaf yang masih mempunyai ibu bapa dan anak-anak yang belum Islam sahaja.
2. memberi galakan melalui taklimat atau kelas pengurusan harta khusus kepada mualaf termasuk memperkenalkan produk hibah dan wasiat dengan melantik baitulmal sebagai wasi.

PENUTUP

Kesimpulannya, konsep *siyāsah shar‘iyyah* yang dilaksanakan dalam pentadbiran baitulmal dalam menyantuni tuntutan harta pusaka mualaf adalah selari dengan *siyāsah shar‘iyyah* dan tidak terikat dengan hukum faraid. Proses-proses yang dilaksanakan adalah bagi menjaga imej Islam berdasarkan maqasid syariah dan kesinambungan dakwah di Malaysia bagi menjinakkan *non-muslim* kepada Islam. Menjaga imej Islam menjadi kewajipan seorang pemimpin terhadap rakyatnya bagi memperlihatkan Islam itu indah di

samping menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara. Penyelesaian yang dilaksanakan di baitulmal Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan mempunyai matlamat yang sama iaitu menjaga imej agama bagi kesinambungan dakwah pada masa akan datang. Selangor lebih mendahului Negeri Sembilan dan Kelantan dalam prosedur tuntutan harta pusaka mualaf oleh ahli keluarga *non-muslim* kerana pengalaman dan tuntutan banyak berlaku di sana.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- ‘Aṭwah, ‘Abd al-‘Āl Aḥmad. 1993. *al-Madkhal ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Riyad: Jāmi‘at al-Imām Muḥammad Ibn Su‘ud al-Islāmiyyah.
- Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail & Hanafi, N.M.N.B.I.@ N. T.th. Zakat dan Sedekah kepada Bukan Islam: Keharusan Interaksi Menurut Islam. https://www.academia.edu/27256674/Zakat_dan_sedekah_kepada_bukan_Islam_Keharusan_in_teraksi_menurut_Islam
- Abdul Ghafar Don, Anuar bin Puteh & Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2017. Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru https://www.researchgate.net/publication/319477805_Isu_Dan_Cabaran_Dalam_Dakwah_Saudara_Baru.
- ‘Abd al-Rahmān Tāj. 2014. *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār al- Ta’lif.
- al-Khallāf, Abd al-Wahhāb. 1988. *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī al-Shu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*. Dār al-Qalam.
- al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb. 1960. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. Kuwait: Dār al Fikr.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- al-Zarqā, Muṣṭafā Aḥmad. 1998. *Istiṣlāh wa al-Maṣāliḥ al-Mursalah fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah wa Uṣul Fiqhiha*, Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Badrān, Abū al-‘Aynayn Badrān. T.th. *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī wa Naẓariyyat al-Milkiyyah wa al-‘Uqūd*. Beirut: Dār al-Nahḍah.
- Indera Shahril Mohd Shahid. 2021. Pengurusan Baitulmal Terhadap Tuntutan Ahli Keluarga Non-Muslim ke atas Harta Pusaka Mualaf. Temu bual, 30 November.
- Md Yazid Ahmad, Ermy Azziaty Rozali, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Zamzuri Zakaria, Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsari & Nor Adila Mohd Noor. 2020. Inheritance Management By Baitulmal in Malaysia: Role and Challenges. *International Journal of Advanced Research* 8(10): 1113–1120.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah bin Hajimin. 2012. Hak-hak non-muslim dalam pentadbiran negara menurut al-Mawardi. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazneen binti Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah binti Din@Mohamad Nasirudin & Maryam Habibah binti Kamis. 2018. Pendekatan Fiqh Ta’ayusy dalam Menangani Konflik Antara Agama. *Islamiyyat-Journal of Islamic Studies* 40(2): 151-160. <http://journalarticle.ukm.my/13842/1/29769-91365-1-SM.pdf>.
- Nik Mustafa Nik Hassan. 2003. *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- PM.(KN): 01/04: JLD.9/(28). 2015. Surat Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Kepada Dato’ Haji Serpudin bin Mohammad, Timbalan Yang DiPertua, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 7 April 2015.
- Saadman Man. t.th. Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.pdf.
- Ridhwan bin Abdul Rahman. 2022. Pengurusan Baitulmal terhadap Tuntutan Ahli Keluarga Non-muslim ke atas Harta Pusaka Mualaf. Temu bual. 2 Jun.
- Siti Syazwani Shamshul Kamar. 2022. Pengurusan Baitulmal terhadap Tuntutan Ahli Keluarga Non-muslim ke atas Harta Pusaka Mualaf. Temu bual. 15 Jun.

KANDUNGAN / CONTENTS

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam <i>Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective</i> Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad	1-10
Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia <i>Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account</i> Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff	11-18
Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam <i>Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia</i> Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff	19-27
Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berasaskan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah <i>The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah</i> Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	28-42
Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia <i>The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff	43-53
Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor	54-65
Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'iyyah <i>Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari'iyyah</i> Sofiyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar	66-72
Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia <i>Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia</i> Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai	73-85
Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah <i>Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah</i> Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis	86-93
Maqasid Syariah Dalam Kecharusan Hibah Ruqba <i>Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba</i> Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said	94-105

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 7(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.